

13/03/1999

PM lancar anugerah untuk pengusaha IT

CYBERJAYA, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini melancarkan program Anugerah Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Koridor Raya Multimedia (MSC) Asia Pasifik (APMITTA), yang bertujuan membangunkan industri berkaitan di negara ini.

Anugerah itu memberi pengiktirafan kepada individu, pelajar dan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menyumbang kepada pembangunan MSC bertujuan menggalakkan rangkaian, pemindahan teknologi, inovasi serta latihan dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi.

Program anugerah itu diwujudkan melalui usaha sama Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dengan agensi berpangkalan di Australia - Perbadanan Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat Asia-Pasifik (APIT&T) dan Anugerah Teknologi Maklumat Asia Pasifik (APITA), sebuah agensi penarafan tempatan.

Di majlis itu, Dr Mahathir yang juga penaung program itu turut melancarkan logo APMITTA dan laman webnya. Majlis penganugerahan APMITTA yang pertama dijadualkan berlangsung Oktober depan.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Sementara itu, berucap di majlis itu, Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata program APMITTA itu adalah salah satu langkah meningkatkan bilangan usahawan tekno (yang berkaitan IT dan telekomunikasi) di negara ini.

Menurutnya, melalui program itu, usahawan dan pertubuhan terbabit berpeluang mengeksport produk teknologi maklumat dan telekomunikasi masing-masing ke pasaran antarabangsa, mewujudkan rangkaian antara pembekal dan pembeli perkhidmatan dan produk berkenaan di samping mewujudkan peluang pekerjaan.

Di samping program itu, katanya, MDC juga menumpukan usaha dalam enam bidang kritikal bagi memperbanyakkan syarikat IKS dan usahawan tekno dalam bidang IT dan telekomunikasi iaitu insentif, sumber manusia dan latihan, modal teroka dan pembiayaan, pusat inkubasi, sokongan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan capaian pasaran.

"Langkah ini perlu kerana bilangan usahawan dalam bidang ini masih kurang," katanya.

Di majlis itu, Perdana Menteri dan hadirin turut menyaksikan ucapan Menteri Maklumat dan Komunikasi Queensland, Australia, Terry Mackenroth, menerusi tayangan video.

Dalam ucapannya, Mackenroth berkata, program anugerah yang dihasilkan dengan kerjasama kedua-dua negara itu dapat mengeratkan hubungan antara kerajaan dan industri terbabit.

Beliau yakin, langkah yang diambil kerajaan Malaysia untuk membangunkan industri itu akan mencapai matlamat.

(END)